



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM USAHASAMA STRATEGIK @ADVOKASI
ANTIGANGGUAN SEKSUAL BERSAMA EXPRESS RAIL LINK SDN.BHD**

**BALAI PERLEPASAN KLIA EKSPRES, KL SENTRAL
31 OKTOBER 2023 (SELASA) | 11.00 pagi – 1:00 pm**

Kemas kini 30 Oktober 2023

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, Segala Puji Bagi Allah SWT, kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul pada pagi ini dalam **Program Usahasama Strategik@Advokasi Antingangguan Seksual bersama Express Rail Link (ERL) Sdn. Bhd.**
2. Pertama sekali, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Express Rail Link (ERL) Sdn. Bhd. serta semua ketua-ketua Jabatan, agensi-agensi Kerajaan yang telah menunjukkan

kebersamaan dalam meningkatkan kesadaran masyarakat terhadap gangguan seksual.

LATAR BELAKANG

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

3. Isu gangguan seksual bukanlah sesuatu yang baharu. Kita harus faham bahawa gangguan seksual adalah jenayah dan sudah tentu akan memberi kesan buruk kepada mangsa.

4. Gangguan seksual dalam pengangkutan awam juga bukanlah isu baharu di negara kita malah ia turut berlaku di seluruh dunia. Perkara ini membuatkan ramai wanita berasa terancam dan tidak lagi berasa selamat untuk menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam.

5. Berdasarkan kajian “Pemahaman dan Pengalaman Gangguan Seksual dalam Kalangan Masyarakat Malaysia” yang dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Wanita pada tahun 2020, didapati bahawa seramai 11,993 daripada 27,032 responden iaitu sebanyak 44.4% telah

menyatakan bahwa **gangguan seksual berlaku di tempat awam seperti di kedai, atau pengangkutan awam seperti bus awam, taksi, kenderaan e-hailing, LRT, keretapi komuter dan sebagainya.**

6. Cabaran utama dalam menangani gangguan seksual adalah pemahaman masyarakat akan keseriusan gangguan seksual itu. Seseorang pelaku mungkin menganggap tindakan mereka sebagai jenaka yang tidak berbahaya tetapi apa-apa bentuk gangguan seksual

boleh membuka jalan kepada jenayah seksual yang lebih serius seperti cabul dan rogol.

Dengan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai gangguan seksual dan kesan terhadap mangsa, kita dapat membantu masyarakat memahami isu ini dan mencipta persekitaran yang lebih selamat.

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

7. Statistik oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan peningkatan bagi kes gangguan seksual yang dilaporkan ke PDRM iaitu daripada **378 kes pada tahun 2020 kepada 506 kes pada tahun 2021**. Walau bagaimanapun, terdapat **sedikit penurunan pada tahun 2022 iaitu kepada 477 kes**. Jumlah kes yang dilaporkan ini adalah melibatkan kedua-dua jantina, lelaki dan wanita.

8. Walau bagaimanapun, majoriti mangsa adalah kaum wanita iaitu sebanyak **354 kes pada tahun 2020, 446 kes pada tahun 2021 dan 416 kes pada tahun 2022**. Statistik ini

menunjukkan bahawa setiap tahun lebih **90 peratus daripada kes gangguan seksual adalah melibatkan mangsa di kalangan kaum wanita.**

9. Selain itu, laporan yang diterima oleh **Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS)** yang disediakan oleh KPWKM ketika Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual di 12 buah negeri telah mencatatkan **seramai 1,213 mangsa dengan sekurang-kurangnya 351 (28.9%) daripadanya adalah mangsa lelaki.**

10. Justeru, kita harus sedar bahawa gangguan seksual boleh terjadi di mana – mana sahaja, dalam apa jua bentuk dan kepada mana-mana individu tanpa mengira jantina, usia, kaum ataupun agama termasuklah kepada golongan yang tidak berdaya seperti kanak-kanak dan OKU.

(B) PELAKSANAAN ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

11. Susulan daripada penggubalan Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840] ini, KPWKM telah melaksanakan Program Advokasi Antigangguan Seksual, untuk meningkatkan kesedaran gangguan seksual. Program ini juga bertujuan untuk memberikan kesedaran, dan pendidikan mengenai gangguan seksual agar **budaya menormalisasikan gangguan seksual dapat dihapuskan.**
12. Selain itu, Program Advokasi Antigangguan Seksual ini juga bertujuan untuk menguar-uarkan penyampaian

perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui pelbagai aktiviti dan reruai pameran yang disediakan.

13. Selain itu, terdapat juga gerai-gerai jualan produk-produk daripada usahawan-usahawan wanita di bawah Jabatan Pembangunan Wanita, Yayasan Kebajikan Negara dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

14. Di kesempatan ini, saya juga memohon kepada hadirin sekalian untuk berkongsi maklumat mengenai Advokasi Antigangguan Seksual kepada keluarga, sanak saudara serta rakan-rakan sebagai usaha untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat di dalam komuniti kita.

(C) HARAPAN

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

15. Saya berharap kebersamaan dan kolaborasi strategik antara agensi Kerajaan dan sektor korporat hari ini dapat diteruskan dan diperkuatkan untuk mengekang gangguan seksual dan mencipta persekitaran selamat untuk semua lapisan masyarakat.

16. Sehubungan itu, saya amat menyambut baik inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan untuk menyediakan koc wanita untuk perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) laluan Kajang yang telah dimulakan

pada September 2023 yang lalu. Diharap inisiatif seperti ini akan dapat diperluas lagi kepada pengangkutan-pengangkutan awam yang lain.

17. Sebagai penutup, usaha pencegahan dan kesedaran mengenai gangguan seksual bukanlah tanggungjawab Kerajaan atau pihak berkuasa semata-mata; ia adalah tanggungjawab yang perlu dipikul bersama oleh kita semua agar ekosistem dan persekitaran yang selamat serta kondusif diwujudkan.

18. Izinkan saya mengakhiri ucapan dengan berkongsi kata-kata hikmah ini untuk renungan bersama –

We must send a message across the world that there is no disgrace in being a survivor of sexual violence. The shame is on the aggressor. – Angelina Jolie, Hollywood Actress.

19. Akhir kata, dengan lafaz “Bismillahir Rahmanir Rahim”, sukacita saya melancarkan **Program Usahasama Strategik @Advokasi Antigangguan Seksual Bersama Express Rail Link Sdn.Bhd – “Together We Stand Against Harassment”**.

*Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.*

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
31 Oktober 2023